

Zaiton ikon Melaka bersih

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Komitmen tinggi dan dedikasi ditunjukkan sepanjang 18 tahun berkhidmat sebagai pekerja pembersihan berbalas buat seorang ibu kepada tujuh anak, Zaiton Abdul Latif, 55.

Ia selepas dia yang juga Ketua Pekerja Rendah Am SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Pekerja Pembersihan Negeri Melaka 2023.

Zaiton, berasal dari Permatang Pasir Padang Temu menerima anugerah utama itu selepas berjaya membimbing 32 anak buahnya dalam memastikan Melaka kekal bersih.

Dia yang berkhidmat bersama SWM Environment bermula pada 2005 terharu apabila dipilih menerima anugerah berkenaan yang disifatkan sebagai kenangan manis sepanjang kariernya.

"Anugerah ini adalah satu amanah yang perlu dipikul sebagai contoh kepada Pekerja Pembersihan yang lain.



ZAITON memberikan komitmen tinggi sepanjang 18 tahun berkhidmat bersama SWM Environment.

"Saya tidak menyangka akan menerima penghargaan setinggi ini sepanjang 18 tahun berkhidmat dalam sektor pembersihan.

"Besarnya harapan saya untuk terus diberikan kesihatan dalam menunaikan tanggungjawab memastikan kebersihan persekitaran di kawasan pelancongan dan

berharap semua pihak dapat bersama-sama menjaga kebersihan Negeri Melaka," katanya.

Selain Zaiton, turut disampaikan empat lagi anugerah iaitu Anugerah Tokoh Pekerja Pembersihan Cawangan pada Majlis Keceperlangan Pekerja Pembersihan Peringkat Ne-



ZAITON menerima Anugerah Khas Pekerja Pembersihan Negeri Melaka yang disampaikan Timbalan Exco Perumahan Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Zulkiflee Mohd Zin.

geri Melaka yang diadakan di Dewan Kasturi, Kompleks Japerun Ayer Keroh sempena sambutan Hari Pekerja Pembersihan 2023, 17 Jun lalu.

Empat penerima itu adalah Hamile Hassin yang mewakili Cawangan Melaka Bandaraya Bersejarah, diikuti Mohd Raduan Kadir

(Cawangan Hang Tuah Jaya), Ahmad Zamri Abdul Hamid (Cawangan Alor Gajah) dan Wan Mohamad Aswadi Wan Umar (Cawangan Jasin).

Kesemua anugerah telah disampaikan Timbalan Exco Perumahan Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan

Bencana negeri Zulkiflee Mohd Zin.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datin Sapiah Haron dan Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Melaka, Khairuladha Ab Mutalib.